

TOK BATIN KAMPUNG TERING DAN KAITANNYA DENGAN UNDANG JOHOL

Norhalim Hj. Ibrahim & Jamaludin Shamsudin

Pendahuluan

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia terdiri daripada 18 sub etnik yang dapat digolongkan kepada tiga golongan terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Melayu Proto pula terdiri daripada beberapa suku kaum seperti Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Seletar dan Orang Kuala yang tinggal di Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan Johor.

Masyarakat Orang Asli kini berjumlah kira-kira 83,453 orang iaitu terdiri daripada 18,063 keluarga. Telah dikenal pasti bahawa 6835 buah keluarga Orang Asli berada di bawah paras kemiskinan. Dalam wawasan mencapai tahap negara maju berbagai-bagai cara dan usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk membantu masyarakat Orang Asli. Mereka turut dilibatkan dalam usaha kerajaan untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang maju dan dinamik.

Dalam mengejar pembangunan dan ekonomi yang mantap, masyarakat Orang Asli juga tidak terkecuali daripada gejala sosial yang tidak sihat. Ramai anak-anak muda Orang Asli sudah mula banyak membazir masa dan wang untuk minuman keras dan perjudi. Lebih malang lagi seperti yang dinyatakan oleh Encik Lee Lam Thye {Berita Harian, 9 September 1994} "Orang Asli jadi Tarikan Penedar". Ini bermakna penedak-penedak dadah telah mula masuk ke kawasan penempatan Orang Asli semenjak tahun 1994.


Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan tahun 1993 sebagai Tahun Orang Asli Sedunia (Year Of The Indigenous People). Di negara kita, seminar anjuran kerajaan di Putra World Trade Centre (PWTC) pada 29 November 1993 hingga 1 Disember 1993 dapat dijadikan landasan bagi kerajaan untuk membuktikan pada dunia bahawa kita amat mengambil

berat terhadap masyarakat Orang Asli. Seminar ini adalah ekoran daripada seminar yang diadakan pada tahun 1989 iaitu Persidangan Pembangunan Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang diadakan di Institut Tadbiran Negara (INTAN). Program ini bertujuan merangka usaha-usaha memajukan masyarakat Orang Asli di Malaysia menjelang Tahun 2020.

Walaupun masyarakat kaum asli ini pada umumnya berada pada tahap yang agak terkebelakang berbanding dengan kaum-kaum lain di negara ini, mereka mempunyai nilai-nilai dan ciri-ciri kebudayaan tradisi yang tersendiri dan unik. Di Negeri Sembilan umpamanya, seperti di Johol, dalam Daerah Kuala Pilah, struktur organisasi masyarakat Orang Asli di situ mempunyai kaitan dengan sistem adat Perpatih yang dipraktikkan. Ia juga mempunyai kaitan serta sejarah persaudaraan dengan Undang Luak Johol. Ini bermula semenjak awal kurun ke-16 lagi. Diketahui oleh kebanyakan orang di daerah Kuala Pilah terutama nya di Johol bahawa Tok Batin di sebuah perkampungan Orang Asli iaitu Kampung Tering, mempunyai kaitan dengan Datuk Undang Luak Johol.

Lokasi

Kampung Tering ini terletak dalam Mukim Johol Negeri Sembilan dan jauhnya lebih kurang 16 km dari Kuala Pilah. Jika dari arah selatan, perkampungan tersebut adalah lebih kurang 22 km dari bandar Tampin.




Perspektif Umum

Pemandangan Kampung Tering

Sejarah penempatan perkampungan ini bermula semenjak awal 1700 lagi iaitu sejak bermulanya sejarah Undang Johol ini. Senarionya sudah banyak berubah. Kalau dahulu kampung ini ialah sebuah perkampungan hutan tetapi sekarang sudah terdapat pelbagai kemudahan dan prasarana.

Walaupun pada amnya masyarakat Orang Asli di Negeri Sembilan bukan daripada masyarakat yang berpindah randah, namun terdapat hanya 13 buah rumah sahaja di Kampung Tering ini, sedangkan jumlah penduduknya ialah sebanyak 90 orang. Aktiviti-aktiviti utama sebagai sumber ekonomi mereka

Peta Menunjukkan Johol dan kawasan sekitarnya



adalah menoreh getah, bertani dan mencari rotan. Barangkali ini ialah faktor utama mengapa 80 peratus daripada mereka masih lagi berada di bawah paras kemiskinan. Selain dari itu, terdapat 12 orang yang bekerja di kilang-kilang, manakala yang berkhidmat dengan sektor kerajaan ialah dua orang terdiri daripada seorang guru dan seorang pegawai di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.


Tanaman utama di kawasan ini ialah tanaman getah dan durian. Kegiatan penternakan yang utama pula ialah ternakan kerbau. Kemudahan-kemudahan asas seperti letrik, air paip dan telefon sudah lama dinikmati oleh penduduk-penduduk kampung ini.

Terdapat juga beberapa buah sekolah rendah di sekitar Mukim Johol untuk anak-anak Orang Asli di sini mendapatkan pendidikan. Sebuah sekolah rendah Cina adalah antaranya, manakala sekolah menengah yang terdekat ialah Sekolah Menengah Dato' Undang Abdul Manaf yang terletak di Rengguh, Johol. Taraf pencapaian pendidikan anak-anak orang asli di sini juga sudah semakin meningkat. Buat masa ini, empat orang anak Orang Asli sedang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi; seorang daripadanya sedang belajar di Maktab Perguruan Mohamad Khalid di Johor Bahru, seorang di Universiti Putra Malaysia di Serdang dalam jurusan Sains Kemanusiaan, seorang di Institut Teknologi Mara Cawangan Perak di Manjung dan seorang lagi di Universiti Putra Malaysia cawangan Sarawak.

Latar Belakang Tok Batin Kampung Tering Sekarang

Nama penuh beliau ialah Batin Alam bin Suhut. Beliau telah dilahirkan di Kampung Cemelur, Johol, N.Sembilan pada 31 Jun 1954. Moyang beliau berasal dari Palong, Pahang.

Mereka sekeluarga telah berpindah ke Kampung Tengkek, Batu Kikir, Negeri Sembilan kerana meneroka tanah baru. Tanah teroka ini telah didiami oleh adik-beradik beliau hingga sekarang.



Batin Alam bin Suhut

Tok Batin Alam telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tengkek, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Seterusnya beliau belajar di Sekolah Menengah Tengku Durah, Seremban.

Batin Alam kemudian telah melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim sebelum memperoleh Sijil Perguruan pada tahun 1971. Setelah itu, beliau berkhidmat di beberapa buah sekolah di Terengganu dan Negeri Sembilan.

Dalam tahun 1982 beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Pertanian (sekarang Putra) Malaysia, Serdang, Selangor. Setelah mendapat ijazah pertama beliau pada tahun 1986, beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Keningau, Sabah sehingga tahun 1988.

Kemudian Tok Batin Alam pulang semula ke Negeri Sembilan dan berkhidmat di Sekolah Menengah Tampin. Beliau telah menjawat jawatan Batin setelah kematian Batin Degol bin Ujang semenjak hujung tahun 1993.


Sejarah Awal Tok Batin di Kampung Tering dan Tok Undang Johol

Umum mengetahui dalam mana-mana masyarakat sekalipun akan terbentuk satu organisasi yang menjadi tempat rujukan penyelesaian segala permasalahan yang berbangkit di kalangan ahli-ahlinya. Ini juga berlaku di perkampungan Orang Asli di Kampung Tering ini.

Tok Batin merupakan kedudukan yang paling atas dalam organisasi masyarakat etnik ini. Sejarah awal Tok Batin di Kampung ini tidak dapat ditentukan dengan tepat. Mengikut sumber-sumber yang boleh dipercayai kampung ini bermula sekitar 1720-an iaitu bersamaan dengan waktu perlantikan Undang Johol yang pertama.


Menurut Tok Batin Alam bin Suhut (Tok Batin Kampung Tering sekarang),

Telapak Undang Lama



dua adik-beradik telah mudik dari Hulu Sungai Muar sehinggalah sampai ke Sungai Jelai. Mereka berdua ini daripada keturunan Orang Asli. Ayah kedua-dua beradik ini adalah seorang Tok Batin bernama Nenek Kerbau. Sesampainya mereka di situ, mereka telah mendarat di satu tempat berhampiran dengan Kampung Kuala Johol. Tempat pendaratan mereka ini merupakan Telapak Undang Johol yang sekarang ini tidak digunakan lagi.

Apabila dewasa kedua-dua beradik ini telah berunding untuk menentukan kawasan atau jajahan pemerintahan mereka. Pada masa itu ibu dan si adik perempuan telah memeluk Islam dan ingin tinggal di luar kawasan hutan, manakala si abang menggantikan jawatan Tok Batin daripada ayah mereka dan tinggal di hutan yang dikenali sebagai Kampung Tering pada hari ini. Persetujuan ini telah dicapai setelah perundingan dijalankan.



Keris Panjang Tok Batin


Menurut perjanjian:- *"Bukit yang tinggi, gaung yang dalam, hutan yang luas, abang yang perintah. Sawah yang luas, kampung yang luas, adik yang perintah".*

Menurut adatnya, Batin menyimpan Keris Panjang manakala Undang menyimpan Tombak Berambu. Kedua-dua alat ini adalah dipusakai daripada ayah mereka.

Mulai saat itu, mereka berpisah. Abang yang ke hutan bergelar Batin seperti ayah mereka manakala adik yang tinggal di Telapak di panggil Undang dan bergelar Setiawan Lela Perkasa. Gelaran ini masih lagi dipakai hingga hari ini. Asal usul gelaran nama Sitiawan pula bermula apabila seorang Putri Tok Batin sangat suka berada di atas bukit dan bermain-main dengan awan. Dari situ maka lahirlah gelaran nama "Siti Awan".

Keturunan daripada kedua-dua beradik inilah yang mewarisi kedudukan Undang dan Batin hinggalah hari ini mengikut keturunan "perut" sebelah ibu. Ini

adalah mengikut adat Perpatih di Negeri Sembilan. Menurut sejarah, Undang yang pertama, kedua dan ketiga adalah terdiri daripada kaum perempuan. Mulai Undang Keempat barulah jawatan Undang ini disandang oleh seorang lelaki yagn bernama Datuk Abu Bakar. Ini adalah kerana jawatan Undang sangat sukar dan membebankan jika dijalankan oleh seorang perempuan, terutamanya apabila terpaksa berjalan di dalam hutan untuk sesuatu tugas ataupun apabila berjumpa Duli Yang Amat Mulia yang Dipertuan Besar di Sri Menanti.



Tombak Berambu Milik Undang Johol


Datuk Abu Bakar ini kemudiannya dikenali sebagai Datuk Rebah setelah beliau meninggal dunia. Asal usul gelaran ini bermula apabila sesiapa sahaja yang lalu di bahagian kepada jenazahnya, akan terus rebah pengsan dengan serta merta akibat daulatnya. Perigi yang pernah menjadi kepunyaan Datuk Abu Bakar dinamakan Perigi Rebah. Sekarang ini Datuk Undang akan menggunakan Perigi Rebah untuk bersiram semasa istiadat perlantikannya atau disebut "Kerjan".



Pada zaman dahulu, Tok Batin selaku abang, berhak memberi nasihat serta teguran kepada Tok Undang iaitu yang berpangkat adik kepadanya dalam perkara-perkara menyentuh adat, perundangan serta pemerintahan.

Perigi Rebah

STRUKTUR ORGANISASI PENTADBIRAN TOK BATIN KAMPUNG TERING JOHOL



Wajar diketahui, struktur ini dapat jelas dilihat terutama pada majlis-majlis rasmi

Tugas-Tugas

Tok Batin

Bertindak sebagai ketua dalam adat istiadat atau majlis-majlis rasmi seperti upacara perkahwinan dan sebagainya. Beliau juga bertindak selaku penyelesai segala permasalahan sekiranya pegawai-pegawai di bawah beliau tidak dapat menyelesaikannya.

Menteri

Beliau ialah pembantu terkanan Tok Batin dalam menguruskan hal-ehwal anak-anak buah di kampungnya. Segala arahan yang disampaikan dan diperturunkan kepadanya oleh Tok Batin akan disampaikan kepada Juru Kerah dan pegawai-pegawai bawahan yang lain. Beliau juga bertindak sebagai penyelesai masalah sekiranya berbangkit.